



PEMBENTUKAN JATI DIRI KANAK-KANAK MELALUI BAHAN BACAAN BAHASA MALAYSIA

(Children's Identity Development Via Malay Reading Materials)

MAISARAH SAIDIN*
LATIFAH ABDUL MAJID

Jabatan al-Quran dan Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan
Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan Bahasa Malaysia. Berdasarkan beberapa kajian lepas, ibu-bapa, rakan sebaya dan media massa seperti televisyen dan internet seringkali dikaitkan dengan pembentukan jati diri. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa bahan bacaan juga berperanan dalam membentuk jati diri kanak-kanak. Ini kerana, terdapat juga unsur nilai murni dalam bahan bacaan terutamanya bahan bacaan Bahasa Malaysia yang mampu membentuk jati diri kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini tertumpu pada kesan bahan bacaan Bahasa Malaysia terhadap jati diri kanak-kanak. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah gabungan metode kepustakaan dan lapangan. Instrumen kajian yang digunakan meliputi temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa bahan bacaan Bahasa Malaysia memberi kesan positif terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak.

Kata kunci: pembentukan jati diri, bahan bacaan, kanak-kanak, nilai murni

ABSTRACT

This article discusses the children's identity development via Malay reading materials. Based on the numbers of previous studies demonstrate the association of parents, peers and mass media such as television and the internet are frequently associated with identity development of the children. Nevertheless, the researchers believe that Malay literature materials were also play a role in forming children's identity. It is because; there are moral values in

*Corresponding author: Maisarah Saidin, Jabatan al-Quran dan Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. Email: sara_izara@yahoo.com

Diserahkan: 14 Disember 2011

Diterima: 20 Februari 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0401-04>

Malay literatures which are able to mould the identity and personality of the children. The study therefore, focused on the outcomes and the engagement of these materials on children's self-esteem. This study is a combination of library methods and field methods. The instruments have been applied such as interview, observation and content analysis. As a result of the study has demonstrates the Malay reading materials have constructed a positive impact on children's identity development.

Keywords: identity development, reading materials, children, moral values

PENGENALAN

Jati diri dapat didefinisikan sebagai sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya, atau disebut juga identiti (*Kamus Dewan* 2007). Lazimnya, ciri atau sifat tersebut berbeza daripada seseorang dengan orang lain atau daripada sesebuah kumpulan dengan yang lain (Hanapi 2001). Jati diri mempunyai kaitan rapat dengan akhlak seseorang. Tanpa akhlak mulia, jati diri tidak dapat dibentuk dengan baik. Ini kerana, akhlak memberi pengaruh dan kesan yang besar pada tindak tanduk serta gerak langkah seseorang.

Nilai murni merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembentukan akhlak dan jati diri kanak-kanak. Ini terbukti berdasarkan penjelasan Sufean (1989) yang menyatakan bahawa perlakuan yang baik dapat dipupuk melalui nilai murni. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang individu itu diterapkan dengan nilai murni seperti hormat menghormati, jujur dan amanah, secara tidak langsung akhlak yang mulia dapat dibentuk. Namun, sekiranya nilai yang buruk seperti biadap, suka berbohong dan mencuri menjadi perhiasan diri seawal peringkat kanak-kanak lagi, maka secara tidak langsung nilai tersebut akan mewarnai dirinya sehingga dewasa sekiranya tidak diubah dan dibentuk dengan nilai akhlak mulia.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia Bukit Aman menunjukkan bahawa terdapat kanak-kanak yang berusia seawal tujuh tahun telah terlibat dengan salah laku jenayah (Berita Harian Online 2011). Secara langsung, statistik tersebut membuktikan bahawa telah berlaku krisis jati diri dalam masyarakat Malaysia seawal peringkat kanak-kanak lagi. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya akhlak mulia dipupuk dan disemai sejak

awal usia tersebut. Hal ini bertujuan mencegah penularan gejala keruntuhan akhlak.

Secara umumnya, ibu bapa, guru, rakan sebaya dan masyarakat sekitar seringkali dikaitkan sebagai faktor terpenting yang menyumbang pada pembentukan akhlak dan jati diri kanak-kanak (Asmawati 2009). Namun begitu, faktor pembentukan akhlak dan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan yang dikategorikan dalam media massa kurang dibincangkan dalam kajian-kajian terdahulu. Menyedari kepentingannya dalam pembentukan akhlak seseorang, pengkaji bertindak memilih bahan bacaan sebagai subjek kajian ini bagi mengenal pasti kesannya pada pembentukan jati diri kanak-kanak.

Bahan bacaan dipilih sebagai subjek kajian ini kerana ia bukan sahaja perantaraan untuk mendapatkan sesuatu ilmu malahan mampu membina kekuatan jati diri seseorang. Penjelasan ini terbukti berdasarkan kajian Rohaida (1998) yang menyatakan bahawa bahan bacaan sebenarnya mampu memberi pengaruh dalam pendidikan akhlak kanak-kanak. Oleh yang demikian, pengkaji percaya bahawa bahan bacaan seperti buku, majalah dan surat khabar berpotensi memberi pengaruh yang baik kepada akhlak dan jati diri seseorang. Sebagai contoh, sekiranya seseorang individu yang sering membaca bahan bacaan yang berbentuk motivasi, secara tidak langsung mereka cenderung untuk memotivasi diri dalam setiap tingkah lakunya.

Namun begitu, bahan bacaan juga mampu merosakkan akhlak seseorang. Umpamanya, bahan bacaan ringan berbentuk hiburan, lucu dan bukan ilmiah yang terjual di pasaran dilihat banyak menyumbang kepada keruntuhan akhlak masyarakat. Bahan bacaan tersebut kurang mengandungi elemen nilai murni yang dapat memberi kesan positif kepada akhlak individu. Berdasarkan penjelasan di atas, dapat dirumuskan bahawa pemilihan sesuatu bahan bacaan sememangnya penting dalam mempengaruhi corak akhlak seseorang.

Kepentingan pemilihan sesuatu bahan bacaan dijelaskan Khairusy Syakirin (2007) dalam penulisannya. Beliau menyatakan bahawa bukan semua bahan bacaan boleh menjadikan sesebuah bangsa itu maju. Oleh yang demikian sesuatu bahan bacaan perlu dipilih terlebih dahulu sebelum dibeli atau dibaca. Ini kerana, membaca bahan bacaan yang sesuai dan bermutu adalah penting bagi perkembangan kanak-kanak. Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat disimpulkan bahawa pemilihan bahan bacaan yang tepat amat penting bagi membentuk peribadi dan jati diri seseorang individu.

BATASAN KAJIAN

Batasan kajian adalah batasan-batasan yang digariskan oleh pengkaji dalam kajian ini. Tiga aspek berikut telah dipilih untuk dijadikan asas dalam batasan kajian.

Bidang Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pembentukan jati diri di kalangan kanak-kanak melalui bahan bacaan. Pembentukan jati diri kanak-kanak dikenalpasti berdasarkan elemen nilai murni. Pembentukan jati diri menerusi nilai murni tidak dapat dinafikan kepentingannya kerana nilai tersebut merupakan elemen terpenting dalam melahirkan kanak-kanak yang berbudi pekerti mulia. Selain itu, kajian ini juga tertumpu pada bahan bacaan yang terdapat di Bahagian Perkhidmatan Pinjaman Kanak-kanak (Perpustakaan Negara Malaysia). Bahan bacaan yang difokuskan dalam kajian ini meliputi buku Bahasa Malaysia dari subjek agama dan fiksyen.

Di samping itu juga, kajian ini melibatkan pengunjung Bahagian Perkhidmatan Pinjaman Kanak-kanak yang terdiri dari kanak-kanak Muslim yang berumur tujuh hingga dua belas tahun. Pada pandangan pengkaji, kanak-kanak pada peringkat umur ini sudah boleh membaca dan memahami kandungan sesuatu bahan bacaan. Selain itu, kanak-kanak pada peringkat umur ini juga lebih mudah menerima dan terpengaruh dengan kandungan bahan bacaan yang dibaca. Tambahan pula, kajian Habib (1994) menjelaskan bahawa kanak-kanak pada tahap ini sangat mudah meniru segala perlakuan atau tingkah laku orang lain sama ada secara langsung atau sebaliknya. Justeru, segala aspek yang terkandung dalam bahan bacaan sama ada ilustrasi, penampilan, watak, tema dan gambaran sahsiah seseorang akan memberikan kesan terhadap proses pembentukan jati diri kanak-kanak itu sendiri.

Batasan Masa

Kajian ini melibatkan kanak-kanak yang terdiri daripada pengunjung Perpustakaan Negara Malaysia. Oleh yang demikian, pemilihan responden dihadkan hanya pada kanak-kanak yang kerap berkunjung ke perpustakaan tersebut dalam tempoh Jun hingga Disember 2010.

Lokasi Kajian

Perpustakaan Negara Malaysia difokuskan sebagai tempat bagi kajian ini. Pemilihan perpustakaan ini kerana ia merupakan Perpustakaan Negara bagi Malaysia. Selain itu, perpustakaan ini juga merupakan perpustakaan induk yang bertindak mengorganisasi semua perpustakaan awam di Malaysia. Oleh yang demikian, pemilihan perpustakaan ini dilihat mewakili semua perpustakaan di seluruh negara Malaysia.

Di samping itu, Perpustakaan Negara Malaysia juga merupakan perpustakaan awam yang menawarkan perkhidmatan pinjaman bahan bacaan untuk kanak-kanak melalui Bahagian Perkhidmatan Pinjaman Kanak-kanak. Pemilihan bahagian tersebut dilakukan kerana ia merupakan bahagian yang menguruskan perkhidmatan pinjaman bahan bacaan kepada kanak-kanak. Di samping itu, pemilihan Perpustakaan Negara Malaysia juga kerana ia merupakan Pusat Penyerahan Negara untuk simpanan dan pemuliharaan sumber-sumber perpustakaan termasuklah bahan bacaan kanak-kanak. Oleh yang demikian, kajian ini tertumpu pada bahan bacaan kanak-kanak yang terdapat di PNM.

METODOLOGI KAJIAN

Sub topik ini menghuraikan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Aspek reka bentuk kajian, instrumen kajian, persampelan dan tatacara penganalisisan data dihuraikan secara lanjut dalam sub topik ini.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kaedah kualitatif yang digunakan untuk kajian ini ialah reka bentuk triangulasi. Kaedah-kaedah pengumpulan data penyelidikan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini termasuk temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan. Menurut Marohaini (2001), penggunaan pelbagai teknik pengumpulan data dapat memperkuat kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan.

Kajian lapangan dengan reka bentuk triangulasi ini menggunakan temu bual sebagai instrumen kajian utama dan pemerhatian serta analisis kandungan sebagai sokongan kepada hasil kajian yang diperolehi daripada instrumen

utama. Selain itu, kaedah analisis dokumen turut digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini bertujuan memperolehi maklumat secara mendalam terhadap apa yang dikaji. Di samping itu, kajian ini juga merupakan kajian deskriptif yang menggunakan kaedah kuantitatif. Ini kerana, data-data yang dikumpul berdasarkan kaedah analisis kandungan diolah ke dalam bentuk angka. Rasional menggunakan kaedah-kaedah ini adalah kerana ia saling melengkapi, dapat meningkatkan kebolehpercayaan yang tinggi dan mengukuhkan lagi daptan kajian (Cresswell & Plano 2007).

Instrumen Kajian

Maklumat berkaitan instrumen kajian merupakan satu komponen yang amat penting dalam merancang kaedah kajian. Ini bertujuan memastikan data yang dikumpul boleh dan sah digunakan. Kajian ini menggunakan beberapa instrumen antaranya seperti berikut:

a) Temu bual

Kaedah temu bual digunakan sebagai kaedah utama untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini. Menurut Best dan Kahn (2003) dan Ahmad Sunawari (2009), temu bual merupakan soal selidik atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang responden melalui cara percakapan secara berhadapan muka dengan seseorang. Kelebihan temu bual adalah penemu bual boleh menerangkan dengan jelas tujuan kajian dan jenis maklumat yang diinginkan. Maklumat temu bual direkod melalui rakaman audio dan catatan nota. Kaedah temu bual secara berstruktur digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji berperanan sebagai moderator menyedia soalan dan memandu jawapan yang diberikan responden. Metode ini digunakan kepada beberapa pengawai Perpustakaan Negara Malaysia bagi mengetahui peranan perpustakaan dalam pemilihan dan penyediaan bahan bacaan yang berpotensi membentuk jati diri kanak-kanak.

Selain itu, teknik ini juga digunakan kepada kanak-kanak dan ibu bapa mereka. Instrumen yang diguna melibatkan borang soalan temu bual dan borang senarai semak. Temu bual kepada kanak-kanak dijalankan bagi mengenal pasti kesan bahan bacaan terhadap pembentukan jati diri mereka. Kanak-kanak tersebut juga ditemu bual bagi mengetahui pemilihan jenis bahan bacaan yang mereka gemari. Di samping itu, kaedah temu bual berstruktur juga digunakan kepada ibu bapa mereka

bagi mengenal pasti pemilihan bahan bacaan oleh responden. Pandangan ibu bapa tentang keberkesanannya nilai murni dalam bahan bacaan tersebut kepada pembentukan jati diri anak-anak mereka turut dikenalpasti. Ini bertujuan mengukuhkan jawapan yang diberikan responden dalam pemilihan bahan bacaan dan pengamalan nilai murni.

b) Pemerhatian

Pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian. Data yang dikumpulkan daripada pemerhatian dapat membekalkan maklumat yang kaya dan boleh menambah kebolehpercayaan kepada penyelidikan yang dijalankan (Suseela 2001). Metode pemerhatian terkawal digunakan dalam kajian ini kepada kanak-kanak yang terlibat. Pemerhatian tersebut bertujuan melihat pengamalan nilai murni oleh responden kanak-kanak. Pengkaji juga menggunakan kaedah tersebut untuk melihat corak pemilihan bahan bacaan yang dilakukan oleh responden setiap kali mereka berkunjung ke perpustakaan.

Dengan menggunakan kaedah pemerhatian, pengkaji dapat merekodkan sesuatu pengamalan nilai murni oleh responden kajian dengan tepat. Data direkod berdasarkan borang senarai semak dan rakaman video. Rakaman video bertindak sebagai satu cara untuk mengesahkan dan menyokong data yang didapati daripada pemerhatian dan catatan kajian (Marohaini 2001). Rakaman video dalam kajian ini bukan sahaja membantu memper lengkapkan pemerhatian tetapi juga memberi idea dan pemahaman yang lebih mendalam untuk pengkaji bertindak apabila membuat pemerhatian yang seterusnya.

c) Analisis Kandungan

Kaedah analisa kandungan digunakan dalam kajian ini untuk meneliti elemen-elemen pembentukan jati diri dalam teks bahan bacaan kanak-kanak yang terdapat di BPPK Perpustakaan Negara Malaysia. Bahan bacaan dalam kajian ini adalah berdasarkan buku yang dibaca oleh responden. Analisa tersebut bertujuan mengenal pasti unsur pembentukan jati diri iaitu nilai murni. Berdasarkan penjelasan Arabi (2002), analisis ini dikatakan objektif, sistematik dan kuantitatif kerana data yang dianalisa adalah berkaitan dengan soalan-soalan penyelidikan iaitu nilai-nilai murni dalam bahan bacaan kanak-kanak. Seterusnya nilai murni yang dianalisa dihitung mengikut kekerapan.

Bahan bacaan Bahasa Malaysia yang digunakan dalam kajian ini dianalisa menggunakan borang senarai semak nilai-nilai murni. Pengkaji membaca bahan bacaan yang dipilih dan dibaca oleh responden, serta mengisi borang senarai semak nilai-nilai murni bagi menganalisa nilai-nilai murni yang terkandung dalam bahan bacaan tersebut. Buku yang digunakan untuk analisa kandungan adalah *Padah Berbuat Jahat, Jasamu Dikenang, Tepati Janji, Sedar Sesudah Derita, Sang Rajuna Tapa Membalas Dendam, Suara Kecil Dari Desa, Mencari Kebenaran, Balasan Sebuah Kejujuran, Menjala Udang Galah, Badang Menyahut Cabaran, Sabar dan Redha Membawa Berkat, Yang Buta dan Yang Celik, Kisah Dunia dalam Sebiji Telur, Balasan Sedekah, Hasad Dengki Memakan Diri, Kejujuran Seorang Budak Yang Soleh, Aruneb Binti Ishak, Abdullah Bin Mas'ud, Serbuk Kayu Menjadi Tepung dan Siapa Banyak? Siapa Sedikit.*

d) Analisis Dokumen

Pendekatan ini digunakan untuk mencari data-data yang berdasarkan kepada penulisan dan dokumentasi bertulis. Data-data yang digunakan adalah terdiri daripada sumber primer dan sekunder yang diperolehi dari bahan-bahan bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan tesis. Sumber primer seperti *Pendekatan Psikologi dalam Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Islam Masa Kini* (Rohaida 1998) digunakan dalam kajian ini. Manakala sumber sekunder seperti *Kamus Dewan* (2007) dan *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak Melayu* (Hadijah 2006) turut digunakan. Sumber ini berperanan untuk mendapatkan landasan teori sebagai panduan kepada pengkaji untuk menyiapkan kajian ini.

Persampelan

Mason (2002) menyarankan responden kajian yang dipilih didasarkan kepada aspek yang merangkumi keperluan memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk bekerja sama, ditemu bual dan dapat memberi maklumat yang diperlukan. Perkara ini bertujuan memastikan maklumat yang diperolehi berupaya menjawab persoalan kajian. Miles dan Huberman (1984) juga mengutarakan pendapat yang hampir sama iaitu pengkaji perlu menentukan had sempadan dalam memilih responden kajian iaitu dengan mengambil kira batasan masa, kebenaran untuk akses ke tempat kajian dan responden kajian haruslah berupaya menjawab persoalan kajian dengan memberikan maklumat terperinci dan mendalam.

Selain itu, pemilihan responden juga perlu didasarkan kepada sesuatu populasi (Chua 2002). Berdasarkan statistik pengunjung kanak-kanak di PNM menunjukkan bahawa populasi pengunjung dari Jun hingga Disember berjumlah 63,240 orang. Walaupun jumlah populasi tersebut besar, namun ciri-ciri pengunjung yang terdapat dalam populasi tersebut tidak semuanya menepati dengan kehendak kajian. Ini kerana, berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama Mohamad Zaki (2010), pengiraan statistik pengunjung kanak-kanak didapati berdasarkan penggunaan alat *electronic counter* yang dibekalkan kepada pengawal di pintu masuk dan penggunaan alat pengimbas pada pintu keluar dan masuk Bahagian Perkhidmatan Pinjaman Kanak-kanak (BPPK).

Setiap pengunjung yang masuk dan keluar akan dikira. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji dapati BPPK bukan sahaja dikunjungi oleh kanak-kanak, malahan pengunjung di kalangan remaja dan dewasa. Selain itu, terdapat juga rombongan dari sekolah-sekolah dan institusi-institusi yang membuat lawatan ke BPPK dari pelbagai lapisan umur. Kesemua pengunjung yang memasuki BPPK akan diimbas dan dikira menggunakan kedua-dua alat tersebut. Oleh kerana kajian ini menggunakan kanak-kanak yang berumur 7 hingga 12 tahun, maka jumlah populasi tersebut tidak bertepatan untuk digunakan dalam kajian ini.

Tambahan pula, pengunjung kanak-kanak yang kerap mengunjungi BPPK juga tidak dapat dilihat berdasarkan statistik populasi tersebut sahaja. Oleh yang demikian, persampelan koata digunakan dalam kajian ini. Ahmad Sunawari (2009), Chua (2006) dan Arabi (2002) menjelaskan bahawa berdasarkan kaedah ini, subjek dipilih secara kebetulan sehingga bilangan bagi satu kategori yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipenuhi. Oleh itu, data ini dipungut berdasarkan kepada ciri-ciri responden yang dikehendaki iaitu pengunjung PNM dari kalangan kanak-kanak yang kerap berkunjung ke Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak.

Berdasarkan pandangan dan kriteria yang digariskan oleh Mason (2002), Miles dan Huberman (1994) serta hasil saringan responden dari populasi, responden kajian yang dipilih terdiri daripada 30 orang pengunjung dari kalangan kanak-kanak dan ibu bapa mereka. Pemilihan sampel sebanyak 30 orang kanak-kanak adalah mencukupi berdasarkan kenyataan Borg dan Gall (1983) yang mencadangkan antara 20 dan 50 subjek sebagai sampel penyelidikan dalam sesuatu kajian. Oleh yang demikian pemilihan 30 orang responden adalah memadai bagi melihat pengamalan nilai murni oleh responden.

Metode Analisis Data

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan. Hasil temu bual ditranskripsikan dari rakaman audio ke dalam bentuk tulisan. Data-data yang dikumpulkan melalui temu bual disusun secara kuantitatif yang kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*). Setelah itu, data yang telah dianalisa, diterjemahkan dalam bentuk jadual. Manakala, data yang dikutip melalui pemerhatian dan analisis kandungan pula, dianalisa ke dalam bentuk kualitatif.

HUBUNGAN BAHAN BACAAN DENGAN PEMBENTUKAN JATI DIRI

Terdapat beberapa kajian lepas yang menghubungkaitkan pembentukan jati diri seseorang individu dengan bahan bacaan. Sebagai contoh, dalam kajian yang dijalankan Abdul Salam (2003) membincangkan tentang kepentingan pembentukan sikap dan akhlak kanak-kanak berlandaskan bahan-bahan agama seperti kitab-kitab suci dan kisah-kisah agama. Dengan ini, kanak-kanak dapat mengenal dan mempraktikkan secara terus ajaran yang terdapat dalam bahan tersebut. Kajian Abdurrahman (1995) dan Aishah (1988) pula menjelaskan bahawa bahan bacaan seperti kisah-kisah al-Quran dan nabi-nabi mampu mendidik dan mendorong anak-anak untuk berubah kepada perilaku yang baik. Kisah-kisah tersebut dapat membangkitkan kesedaran, mempengaruhi mental, mengobarkan semangat dan membina perasaan ketuhanan di samping mengingatkan manusia pada bahaya kejahatan.

Kenyataan tersebut turut dipersetujui Ab. Halim et al. (2010) di mana beliau menyatakan bahawa Rasulullah SAW dalam menyampaikan risalah dakwah banyak menggunakan kaedah bercerita. Al-Quran sendiri menjadi sumber rujukan bahan cerita di mana kisah para nabi, rasul dan juga umat yang terdahulu memberi peringatan dan panduan kepada manusia. Abdul Rahman (1998) turut menjelaskan bahawa al-Quran dan hadis nabi s.a.w. merupakan punca utama ilmu pengetahuan tentang nilai-nilai yang mulia. Kedua-dua sumber bahan bacaan tersebut juga merupakan jalan untuk membezakan antara kebaikan dan kemungkaran.

Penjelasan tersebut turut dibincangkan oleh Nurhayati dan A. Mohd Azwan (2005) serta 'Ulwan (1998) yang menyatakan bahawa bahan bacaan mampu menanamkan nilai positif pada diri kanak-kanak. Mereka turut bersetuju terhadap penjelasan mengenai sumber bahan bacaan seperti kisah dalam al-

Quran, sejarah kehidupan Rasulullah, riwayat hidup para sahabat nabi, tokoh-tokoh Islam dan orang-orang yang salih mempunyai pengaruh yang positif dalam menanamkan nilai-nilai murni pada diri seseorang. Kajian mereka juga turut menjelaskan tentang kepentingan sumber bahan bacaan di atas dalam mengembangkan keperibadian dan jati diri kanak-kanak secara utuh baik mental, intelektual maupun spiritual. Ulwan (1998) turut menambah penjelasan tersebut dengan menyatakan bahawa bahan bacaan yang menerangkan tentang masalah semasa dan penyelesaian masalah wajar diberikan pada kanak-kanak. Hal ini bertujuan memberi kesedaran kepada kanak-kanak tentang realiti kehidupan yang sebenar di samping membantu mereka menangani sesuatu permasalahan dengan bijak dan rasional.

Kepentingan kanak-kanak didedahkan kepada bahan-bahan bacaan yang mempunyai unsur dan nilai yang positif turut disarankan oleh al-Ghazali (1967). Beliau juga bersetuju bahawa pemilihan bahan bacaan seperti bacaan tentang tokoh-tokoh Islam, kisah-kisah yang memaparkan nilai dan peribadi yang baik serta keperluan untuk menyayangi keluarga dan masyarakat wajar diterapkan kepada kanak-kanak. Di samping itu, Mohd Syukri (2001) pula dalam kajiannya menjelaskan bahawa bahan bacaan yang berkesan adalah bahan yang mampu memberi motivasi dan buah fikiran ke arah melakukan kebaikan. Oleh yang demikian, pemilihan sesuatu bahan bacaan amat penting dalam mendapatkan ilmu yang bermanfaat bagi tujuan membentuk dan memperkasa akhlak dan jati diri kanak-kanak.

Begitu juga Ibnu Miskawih dalam Ghazali (2003) mengutarakan pendapatnya tentang kandungan atau isi didikan mestilah dari sumber yang benar dan mengandungi perkataan-perkataan yang baik. Ini bertujuan membiasakan diri anak-anak dengan syariat Allah. Secara tidak langsung, apabila telah didedahkan dengan syariat Allah sedari kecil, kanak-kanak ini dapat menghalang diri mereka dari terjerumus kepada akhlak buruk. Kajian Sohaimi (1997) turut bersetuju bahawa bahan bacaan seperti sastera Islam dapat menüpakan semangat keislaman dalam jiwa kanak-kanak dan mampu membantu melahirkan generasi yang bertakwa dan berperibadi mulia.

Selain itu, kepentingan pembacaan dalam keseimbangan peribadi dan penentuan prinsip hidup turut dibincangkan Farmawi (2001) dalam bukunya. Kajian Alimah dan Mohd Syarif (2001) turut menjelaskan kepentingan bahan bacaan sebagai wahana pembentukan personaliti, psikologi dan kerohanian serta pengisian minda. Kajian yang dijalankan Hadijah (2006) menjelaskan bahawa bahan bacaan termasuk karya sastera adalah alat hiburan dan pendidikan masyarakat yang mampu memberi kesan dan pengaruh terhadap pembentukan

pemikiran, emosi, imaginasi dan keperibadian seseorang. Halimah (1992) pula menjelaskan bahawa contoh-contoh baik seperti nilai murni yang diutarakan kepada kanak-kanak melalui bahan bacaan dapat membantu kanak-kanak membentuk satu kod etika kelakuan hidup yang baik.

Berdasarkan penjelasan daripada kajian-kajian tersebut, dapat dirumuskan bahawa, bahan bacaan mampu memberi pengaruh yang baik pada pembentukan akhlak dan jati diri seseorang. Bahan bacaan yang mengandungi isi atau ilmu yang baik mampu membentuk jiwa dan peribadi seseorang terutamanya kanak-kanak. Secara tidak langsung, kajian-kajian tersebut telah membuktikan bahawa pembentukan akhlak dan jati diri kanak-kanak dapat direalisasikan melalui pendedahan bahan bacaan yang baik. Oleh yang demikian, wajarlah sekiranya setiap individu diberikan bahan bacaan yang bermanfaat khususnya sejak peringkat kanak-kanak lagi. Hal ini bertujuan melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu malahan berakhlek mulia dan mempunyai jati diri yang utuh.

PENDEKATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI KANAK-KANAK

Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan bukan sahaja menjadi tanggungjawab ibu bapa, guru dan ahli keluarga. Malahan tanggungjawab tersebut juga turut digalas oleh perpustakaan. Ini kerana perpustakaan merupakan sebuah institusi sosial yang bertindak mengumpul, menyedia dan memberi pinjam bahan bacaan yang disediakan kepada kanak-kanak dan orang ramai. Ini terbukti berdasarkan kenyataan Shaliza (2010), yang menyatakan bahawa Perpustakaan Negara bukan sahaja berperanan sebagai pusat rujukan dan pemeliharaan bahan bacaan, malahan skop perkhidmatannya meluas kepada memberi pinjaman, menyediakan bahan bacaan dan galakan bagi menerapkan minat membaca di kalangan masyarakat khususnya sedari peringkat kanak-kanak.

Perpustakaan Negara Malaysia telah mengkategorikan perkhidmatan pinjaman tersebut kepada beberapa bahagian iaitu Unit Pinjaman Kanak-Kanak, Pinjaman Dewasa dan Pinjaman Berkelompok. Walaupun begitu, kajian ini hanya tertumpu pada Bahagian Pinjaman Kanak-kanak. Terdapat pelbagai koleksi bahan bacaan yang disediakan oleh bahagian ini kepada kanak-kanak. Antaranya ialah buku fiksyen dan bukan fiksyen seperti agama, Sains, Sejarah dan lain-lain yang dikategorikan sebagai koleksi bahan pinjaman. Koleksi bahan

rujukan seperti ensiklopedia dan kamus turut disediakan di bahagian tersebut. Bahan bacaan ini disusun mengikut kelas-kelas tertentu bagi memudahkan kanak-kanak mendapatkan bahan bacaan yang mereka gemari.

Secara tidak langsung, Perpustakaan Negara Malaysia dilihat berperanan dalam membantu kanak-kanak membentuk jati diri mereka melalui bahan bacaan yang disediakan. Atas rasa tanggungjawab dalam pembentukan jati diri kanak-kanak, PNM telah mengambil pendekatan mewujudkan kriteria pemilihan buku. Hal ini bertujuan memastikan bahan bacaan yang disediakan di PNM dapat memberi kesan yang positif bukan sahaja pada minda kanak-kanak malahan akhlak dan peribadi mereka. Antara kriteria pemilihan bahan bacaan yang digunakan oleh PNM dalam membantu pembentukan jati diri kanak-kanak ialah aspek kandungan dari sudut bahasa dan nilai murni (Mohamad Zaki 2010).

Nilai Murni Teras Pemilihan Bahan Bacaan

Menurut Mohamad Zaki (2010), aspek kandungan sesuatu bahan merupakan aspek yang paling dititikberatkan dalam proses penelitian. Kepentingan penelitian kandungan buku turut dijelaskan Wan Roslili (2006), beliau menyatakan bahawa kandungan sesebuah buku tidak kira apa temanya perlulah bermanfaat, mencabar daya berfikir, menyalur seribu satu maklumat, memperluas ufuk akal dan meningkatkan daya intelektual. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kandungan sesuatu bahan bacaan sangat penting berbanding aspek lain seperti aspek fizikal dalam memberi kesan kepada pembaca khususnya pada pembentukan akhlak dan jati diri kanak-kanak.

Penekanan terhadap unsur nilai murni dalam kandungan bahan bacaan merupakan kriteria utama yang menjadi tanda aras PNM dalam proses pemilihan bahan bacaan kanak-kanak (Mohamad Zaki 2010). Penilaian berdasarkan unsur tersebut turut dijelaskan Azman (1985) dalam kajiannya. Beliau menyatakan bahawa kandungan nilai-nilai moral, susila dan keagamaan, termasuklah hikayat dan sejarah agama Islam haruslah menjadi keutamaan ketika penelitian dan pemilihan bahan bacaan. Nurazmi (2008) dalam kajiannya turut menyarankan pemilihan bahan bacaan yang mengandungi unsur nilai-nilai murni dan nilai-nilai positif. Nilai-nilai murni seperti hormat menghormati, jujur dan baik hati merupakan antara kriteria yang perlu ditonjolkan bagi membentuk sahsiah dan mempengaruhi jiwa serta membentuk jati diri kanak-kanak.

Kandungan Bahasa dalam Pemilihan Bahan Bacaan

Kandungan bahan dari aspek bahasa juga diutamakan ketika penilaian sesuatu bahan bacaan. Menurut Jeniri (2008), bahasa pada ketika ini bukan lagi sekadar sebagai alat komunikasi sosial, tetapi sebagai alat membentuk, membina, merakamkan, menyampaikan dan memperkasakan fikiran, budaya dan tamadun bangsa. Beliau turut menjelaskan bahawa penggunaan sesuatu bahasa terutamanya bahasa kebangsaan berperanan penting dalam memupuk semangat kecintaan terhadap Negara. Melalui bahasa kebangsaan, semangat nasionalisme dan patriotisme dapat disemai dan dipupuk. Hasilnya, jati diri seseorang dapat dibentuk secara semula jadi melalui penggunaan bahasa kebangsaan. Kepentingan kandungan bahan yang dapat mengukuhkan bahasa dan memperkayakan pengalaman serta menggerakkan motivasi kanak-kanak turut diutamakan Azman (1985) dalam kajiannya.

Selain itu, Perpustakaan Negara juga menitikberatkan kandungan serta penggunaan bahasa yang betul dalam sesebuah bahan bacaan kanak-kanak. Hal ini turut diakui oleh Sofia (2010), di mana beliau menjelaskan bahawa sekiranya terdapat sesuatu bahan bacaan kanak-kanak yang menggunakan bahasa yang kurang baik, kakitangan Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak akan mengembalikan bahan terbabit kepada pihak Bahagian Khidmat Teknik untuk diambil tindakan lanjut. Di samping itu, sekiranya sesebuah bahan bacaan dirasakan kandungan dan bahasanya kurang sesuai untuk kanak-kanak, bahan tersebut akan ditempatkan di bahagian dewasa jika bersesuaian. Sekiranya bahan tersebut tidak sesuai ditempatkan di mana-mana bahagian pinjaman atau rujukan, atau bahan tersebut diisyiharkan haram untuk edaran kepada orang ramai oleh Kementerian Dalam Negeri, bahan tersebut akan disimpan sebagai Koleksi Haram (Mohamad Zaki 2010).

Bertitik tolak daripada perbincangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa PNM sangat mementingkan kandungan sesuatu bahan yang dapat membentuk peribadi kanak-kanak. Bukan sahaja unsur nilai murni menjadi teras dalam pemilihan, bahkan unsur bahasa turut diutamakan dalam pemilihan bahan bacaan. Hal ini kerana, penggunaan bahasa yang kurang sesuai juga mampu memberi kesan pada pembentukan akhlak seseorang. Malahan bahasa juga berkaitan dengan nilai murni dalam melahirkan individu yang bersopan santun dan berbudi bahasa. Ini kerana, kesantunan bahasa diukur berdasarkan kepatuhan pengguna terhadap peraturan bahasa tersebut seperti penggunaan tatabahasa, sebutan, ejaan dan tanda bacaan yang betul (Awang 2007). Penjelasan tersebut jelas membuktikan bahawa PNM sangat komited menjalankan tanggungjawabnya dalam pemilihan bahan bacaan.

KESAN BAHAN BACAAN BAHASA MALAYSIA TERHADAP PEMBENTUKAN JATI DIRI KANAK-KANAK

Berdasarkan perbincangan pada topik sebelum ini, didapati bahawa nilai murni merupakan teras utama dalam pemilihan bahan bacaan kanak-kanak. Oleh yang demikian dalam topik ini, pembentukan jati diri kanak-kanak akan dianalisa berdasarkan perlaksanaan amalan nilai murni hasil dari pembacaan responden terhadap bahan bacaan Bahasa Malaysia. Bahan bacaan Bahasa Malaysia yang digunakan dalam kajian ini terdiri dari subjek fiksyen dan agama. Keberkesanannya nilai murni dalam bahan bacaan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak akan dianalisa dengan menggunakan nilai murni yang digariskan oleh KBSR seperti baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat bermasyarakat dan semangat kewarganegaraan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2003, Tam 1996).

Berdasarkan temubual yang dijalankan, didapati kesemua responden kanak-kanak bersetuju bahawa bahan bacaan Bahasa Malaysia yang dibaca memberi kesan terhadap pembentukan jati diri mereka. Dapat menunjukkan bahawa bahan bacaan yang dibaca oleh responden kanak-kanak membantu mereka memahami konsep nilai murni dan cara penggunaannya. Tambahan pula, responden berpendapat bahawa kebanyakan bahan bacaan Bahasa Malaysia yang dibaca khususnya bahan bacaan fiksyen dan agama sememangnya mengandungi nilai murni yang mampu membentuk jati diri mereka. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa pendedahan nilai murni melalui cerita dan penggunaannya oleh watak dalam cerita membantu responden memahami dengan jelas konsep sesuatu nilai tersebut. Kefahaman yang mendalam terhadap nilai-nilai murni tersebut mampu membantu responden mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka.

Kenyataan tersebut selari dengan perbincangan yang telah dijalankan oleh Nurazmi (2008) dalam kajiannya. Kajian tersebut menjelaskan bahawa kanak-kanak memperolehi pengalaman, bertukar-tukar pengetahuan, nilai dan sikap melalui sesuatu cerita yang dibaca. Beliau menjelaskan bahawa kanak-kanak dapat mengaplikasikan sesuatu nilai murni berdasarkan gambaran terperinci terhadap pengalaman seseorang dalam sesebuah cerita yang dibaca. Sebagai contoh, penerapan unsur nilai murni rasional pada watak cerita dapat menimbulkan motivasi dan aspirasi pada diri kanak-kanak dalam mencapai sesuatu yang baik.

Di samping itu, Mok (2010) dalam kajiannya menjelaskan bahawa cerita yang mengandungi nilai-nilai murni yang berkaitan mampu membantu kanak-kanak mempelajari cara menyelesaikan sesuatu masalah sebagaimana kaedah penyelesaian yang digunakan oleh watak cerita. Beliau turut menjelaskan bahawa cerita mengajar penyelesaian masalah secara kreatif dan menunjukkan tindakan serta akibat sesuatu perbuatan sama ada positif atau negatif. Bertitik tolak daripada penjelasan tersebut, jelas membuktikan bahawa nilai murni yang ditonjolkan pada watak cerita sama ada berdasarkan pengalaman yang sebenar mahu pun rekaan sememangnya memberi kesan positif pada diri kanak-kanak. Selain itu, cerita-cerita yang dipaparkan juga mampu memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak untuk membuat keputusan positif pada masa kelak.

Penjelasan tersebut didapati bertepatan dengan dapatan kajian ini. Ini kerana, kajian mendapati bahawa responden memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai murni yang dibaca dan melaksanakannya dalam kehidupan tidak kira ketika bersama keluarga, kawan-kawan mahu pun berseorangan. Ini dapat dilihat pada jadual 1, di mana dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua 17 nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia diaplikasikan responden dalam kehidupan sehari-hari mereka. Namun begitu, tidak semua nilai murni yang ada diaplikasikan oleh setiap responden kanak-kanak.

Jadual 1 Aplikasi nilai murni oleh responden

Nilai Murni/Aplikasi	Baik Hati	Berdikari	Berhemah Tinggi	Hormat Menghormati	Kasih Sayang	Keadilan	Kebebasan	Keberanian	Kebersihan F & M	Kejujuran	Kerajinan	Kerjasama	Kesederhanaan	Kesyukuran	Rasional	Semangat	Bermasyarakat	Semangat	Kewarganegaraan
Total	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30	30
Ya	30	28	27	30	30	20	13	25	30	27	27	26	25	30	23	22	28		
Tidak	0	2	3	0	0	10	17	5	0	3	3	4	5	0	7	8	2		

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa nilai murni yang diaplikasikan oleh semua responden kanak-kanak ialah nilai baik hati, hormat menghormati, kasih sayang, kesyukuran serta nilai kebersihan fizikal dan mental. Manakala

nilai yang paling rendah dan kurang diaplikasikan oleh responden ialah nilai murni kebebasan. Pengkaji dapati hanya 13 orang responden sahaja yang memahami dan mengamalkan nilai murni tersebut.

Nilai hormat-menghormati merupakan nilai yang paling kerap diamalkan responden. Nilai murni hormat-menghormati seperti mana yang digariskan dalam KBSR terangkum dalamnya nilai hormat kepada ibu bapa dan orang yang lebih tua, taat kepada raja dan negara, hormat kepada hak asasi dan undang-undang serta menghargai maruah diri (Kementerian Pendidikan Malaysia 2003). Antara amalan hormat-menghormati yang seringkali diaplikasikan responden adalah memberi salam dan mencium tangan ibu bapa dan orang yang lebih tua ketika berjumpa, memberikan tempat duduk kepada orang tua, tidak membantah arahan dan nasihat yang diberikan oleh ibu bapa. Selain itu, responden juga didapati menghormati undang-undang dan peraturan yang ditetapkan seperti tidak mengoyak dan menyepahkan buku, tidak membuat bising dan tidak mengganggu pengguna lain ketika berada dalam perpustakaan.

Responden juga didapati melaksanakan nilai menghormati hak asasi di mana mereka memahami bahawa bahan bacaan di perpustakaan merupakan hak semua pengguna. Oleh yang demikian, responden memulangkan kembali bahan bacaan yang dipinjam kepada Perpustakaan Negara Malaysia setelah selesai membaca. Hasil temubual yang dijalankan juga mendapati bahawa responden sering mengamalkan nilai ini bukan sahaja di perpustakaan bahkan ketika di sekolah. Mematuhi peraturan sekolah sebagai tanda menghormati undang-undang serta meminta kebenaran atau keizinan sebelum meminjamkan barang rakan sebagai menghormati hak asasi orang lain merupakan nilai yang sering diaplikasikan responden.

Pengamalan nilai hormat-menghormati khususnya kepada ibu bapa dijelaskan Hasan (1996) bukan sahaja berdasarkan perbuatan dan perlakuan malahan melalui perkataan. Tegas beliau, berhati-hati apabila mengucapkan sesuatu perkataan agar tidak menyinggung dan menyakiti perasaan seseorang terutamanya ibu bapa adalah salah satu konsep yang perlu diutamakan dalam amalan hormat-menghormati. Penjelasan ini didapati selari dengan hasil kajian ini di mana bercakap dengan nada suara yang lembut dan tidak meninggikan suara ketika bercakap dengan ibu bapa merupakan amalan yang sering dilakukan responden. Kepentingan pengamalan nilai hormat-menghormati juga jelas ditegaskan Mohamed Fadzil dan Lee (2010). Mereka menjelaskan bahawa hormat menghormati penting dalam mewujudkan suasana keharmonian di samping mengelakkan pergaduhan dan persengketaan antara kaum.

Di samping itu, berdasarkan jadual 1, jelas menunjukkan bahawa nilai kasih sayang juga merupakan nilai yang sering dilaksanakan oleh kesemua responden kajian. Nilai sayang kepada nyawa dan alam sekeliling serta cinta kepada negara dan keamanan merupakan sub nilai yang terangkum dalam nilai kasih sayang (Kementerian Pendidikan Malaysia 2003). Antara tingkah laku dan perlakuan yang sering dilakukan responden untuk menunjukkan kasih sayang adalah menjaga kesihatan serta keselamatan diri dan ahli keluarga. Hidayatullah (2007) dalam bukunya menjelaskan bahawa nilai kasih sayang terhadap kedua-dua ibu bapa boleh ditunjukkan melalui pelbagai cara seperti mentaati suruhannya di samping sentiasa mendoakan kesejahteraannya. Namun begitu, beliau menjelaskan bahawa taat kepada kedua ibu bapa bukanlah pada semua perkara. Ini kerana, perkara maksiat iaitu derhaka kepada Allah dan Rasul tidak wajib dituruti.

Hasil kajian juga mendapati bahawa nilai kasih sayang juga sering dipraktikkan melalui perlakuan memelihara dan menjaga haiwan peliharaan dengan sebaik-baiknya. Selain itu, responden juga menunjukkan kasih sayang kepada alam sekeliling dengan menjaga kebersihan persekitaran di samping menanam pokok sama ada di sekolah maupun di rumah. Pengamalan cinta kepada negara dan keamanan juga diaplikasikan responden melalui perlakuan menyanyikan lagu patriotik dan memelihara perpaduan dengan rakan, serta bersikap tolak ansur dan bekerjasama demi keharmonian persahabatan. Pengamalan nilai kasih sayang melalui sikap bertolak ansur ini selari dengan perbincangan Abdul Ghalib (1998) di mana beliau menyatakan bahawa di antara adab dan tanggungjawab kepada orang lain terutamanya rakan ialah menginginkan mereka mendapat kebaikan dan berusaha menggembirakan mereka. Oleh yang demikian, sikap bertolak ansur dengan rakan adalah wajar sekiranya perbuatan tersebut dapat menggembirakan dan menyenangkan mereka.

Seterusnya, nilai lain yang kerap diaplikasi oleh semua responden ialah nilai murni kebersihan. Menurut Hasan (1996) kebersihan dapat dikelaskan kepada kebersihan dalaman dan luaran. Kebersihan dalaman merupakan kebersihan yang sangat utama kerana dalaman (hati) merupakan punca kepada sikap positif dan negatif. Oleh yang demikian, hati yang bersih dapat melahirkan sikap yang positif seperti jujur dan amanah serta mampu menolak perlakuan keji seperti sompong, khianat dan sebagainya. Pengamalan kebersihan rohani dan jasmani amat dititikberatkan dalam Islam. Hal ini turut dijelaskan Hidayatullah (2007) dalam bukunya. Beliau menyatakan bahawa kebersihan merupakan faktor yang utama sebelum melakukan sebarang jua pekerjaan khususnya sebelum melakukan ibadat kepada Allah SWT.

Penjelasan mengenai kepentingan amalan kebersihan tersebut didapati selari dengan dapatan kajian. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji dapati responden melaksanakan nilai ini seperti tidak membuang sampah merata-rata, mencuci tangan sebelum makan dan tidak mengeluarkan kata-kata yang kurang sopan. Nilai ini juga sering diamalkan, di mana responden menyatakan bahawa mereka sentiasa berpakaian bersih dan kemas, mandi, mengemas bilik serta menjaga permakanan dari aspek kebersihan. Abd Rahim (1993), Mohamed Fadzil dan Lee (2010) menjelaskan bahawa nilai ini wajar diterapkan seawal usia kanak-kanak. Hal ini bertujuan menggalakkan kanak-kanak memelihara diri dan persekitaran bagi menjamin kesejahteraan hidup dan mencapai kebersihan rohani dan jasmani. Tambahan pula, pengamalan nilai ini sejak kanak-kanak mampu membentuk generasi yang sihat dari segi tingkah laku, fizikal dan mental.

Selain itu, nilai yang kerap diaplikasikan oleh semua responden adalah nilai baik hati. Merujuk pada pandangan Tam (1996), baik hati melibatkan kepekaan terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberi bantuan dan sokongan moral secara tulus ikhlas. Berdasarkan data, responden menyatakan bahawa mereka sering mengamalkan nilai ini seperti bersedia menghulurkan pertolongan kepada ibu bapa dan keluarga, guru serta rakan. Responden sering membantu ibu mengemas rumah kerana kasihan dan memahami bahawa ibu bapanya kepenatan bekerja. Selain itu, responden juga mengambil berat dan bertimbang rasa terhadap rakan yang mengalami musibah atau ditimpa bencana seperti rumah terbakar, banjir dan sebagainya dengan bermurah hati mendermakan sebahagian wang saku yang ada. Di samping itu, terdapat juga responden yang mengamalkan nilai baik hati seperti meminjamkan wang kepada rakan yang tidak membawa wang saku.

Penjelasan responden terhadap pengamalan nilai murni ini turut diakui oleh ibu bapa mereka. Dapatan temu bual bersama ibu bapa mendapati bahawa responden kadang-kadang memberikan pertolongan kepada mereka tanpa dipinta. Dapatan kajian ini didapati selari dengan hasil kajian Yusoff (1975). Beliau menjelaskan bahawa sikap murah hati dan suka menolong ini sememangnya telah tumbuh dalam jiwa kanak-kanak sejak kecil lagi. Berdasarkan penjelasan tersebut, dapat disimpulkan bahawa amalan nilai baik hati sememangnya diaplikasikan oleh responden. Ini kerana, pertolongan dan bantuan yang diberikan kepada ibu bapa, guru, rakan-rakan dan sebagainya membuktikan bahawa mereka peka terhadap perasaan dan kebajikan orang lain sebagaimana penjelasan mengenai nilai baik hati yang dinyatakan Tam (1996) sebelum ini.

Selain nilai baik hati, nilai kesyukuran termasuklah berterima kasih, mengenang budi dan menghargai turut diamalkan oleh kesemua responden. Pengkaji dapati bahawa pengamalan yang biasa dilakukan oleh responden adalah mengucapkan terima kasih dan menghargai pemberian seseorang di samping mengenang budi atas pertolongan yang diberikan. Berdasarkan pemerhatian di PNM pula, responden didapati mengaplikasikan nilai kesyukuran dengan menghargai serta menjaga bahan bacaan yang dipinjam dari perpustakaan tanpa merosakkan atau menghilangkannya.

Pengamalan nilai murni di atas menepati dengan amalan kesyukuran yang dimaksudkan Hasan (1996) di mana beliau menjelaskan bahawa kesyukuran boleh ditunjukkan melalui pelbagai cara. Antaranya ialah berterima kasih, menghargai dan mengenang budi seseorang dengan membantunya kembali ketika ia memerlukan bantuan serta mencari jalan penyelesaian sekiranya ia mengalami masalah atau musibah. Berdasarkan penjelasan tersebut, jelas membuktikan bahawa sesebuah nilai murni dapat dizahirkan melalui pelbagai pendekatan. Bezanya, pendekatan yang diambil adalah bergantung kepada seseorang kanak-kanak itu bagaimana ia mengekspresikan perlakuan dan tindakannya.

Nilai murni yang terendah diaplikasikan oleh responden adalah nilai murni kebebasan di mana hanya 13 dari 30 orang responden sahaja yang mengamalkan nilai tersebut. Nilai kebebasan seperti kebebasan di sisi undang-undang dan kebebasan dalam sistem demokrasi dipercayai kurang difahami responden. Hal ini disebabkan, kurangnya pendedahan maklumat berkaitan kebebasan yang dimaksudkan. Oleh yang demikian, responden kurang memahami nilai murni tersebut seterusnya tidak mengaplikasikannya. Namun begitu, berdasarkan temubual terhadap responden, terdapat juga dalam kalangan mereka yang memahami seterusnya mengaplikasi nilai ini seperti membuat undian ketika melantik ketua kelas sebagai menyokong kebebasan dalam sistem demokrasi.

Di samping dapatkan terhadap nilai murni yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa kajian lain yang turut berbincang tentang pembentukan akhlak di kalangan kanak-kanak. Kajian terhadap perkembangan akhlak telah dibincangkan Yusoff (1975) dalam bukunya. Beliau menjelaskan bahawa dalam usia yang masih mentah, kanak-kanak sudah pandai melakukan tipu helah dan bersikap tidak jujur. Namun begitu, penjelasan tersebut bertentangan dengan dapatan kajian ini di mana sebanyak 27 orang responden mengakui bahawa sering mengamalkan nilai kejujuran. Hal ini turut diakui oleh Abd Rahim (1993) dalam kajiannya yang mendapati bahawa nilai murni kejujuran

dan nilai yang berkaitan dengan hubungan sosial sudah terbentuk dalam diri kanak-kanak sejak berumur tujuh tahun.

Selain pengamalan nilai murni kesan dari bahan bacaan, kanak-kanak juga didapati dapat membezakan sesuatu perbuatan itu sama ada baik atau buruk berdasarkan tingkah laku dan nilai yang digarapkan dalam bahan yang dibaca. Oleh yang demikian, mereka mampu membuat keputusan untuk mengamalkan sifat positif dan menolak perlakuan negatif. Dapatkan kajian dilihat selari dengan penjelasan Imam Ghazali mengenai kemampuan kanak-kanak membezakan perkara baik dan buruk. Menurut Imam Ghazali, kanak-kanak yang berumur 5 atau 6 tahun telah pun mumaiyiz, di mana mereka telah dapat membezakan di antara yang baik dan buruk (Aishah 1988).

Kajian Aishah (1988) menjelaskan bahawa pembentukan akal kanak-kanak pada tahap umur ini telah hampir sama dengan orang dewasa. Justeru itu, mereka mampu berfikir dan merancang segala perbuatan mereka sama ada ke arah perlakuan yang positif maupun negatif. Kemampuan kanak-kanak dalam membezakan buruk dan baik sesuatu perbuatan turut ditegaskan Mok (2009) dalam kajiannya. Beliau menjelaskan bahawa mengikut pandangan Islam, kanak-kanak pada peringkat umur 7 hingga 12 tahun sudah melaksanakan amalan rukun Islam secara tepat, memahami dan menghayati rukun iman dan kesediaan rohaninya mula mantap. Oleh itu, kanak-kanak pada peringkat umur ini sudah dapat membezakan antara perlakuan baik dan buruk dan mula menghayati serta melaksanakan amalan nilai-nilai murni dan agama. Di samping itu, perbincangan tersebut turut disentuh Nurazmi (2008) dalam kajiannya. Kajian tersebut menjelaskan bahawa melalui cerita yang dibaca, kanak-kanak dapat membeza serta menilai perkara baik dan buruk khususnya mengenai perlakuan manusia. Mereka berkeupayaan melihat, menilai dan memahami kejadian yang berlaku secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, berdasarkan penjelasan di atas telah membuktikan bahawa nilai-nilai murni yang digarapkan dalam bahan bacaan yang dibaca sememangnya memberi kesan dalam pembentukan akhlak mereka. Secara tidak langsung, persoalan mengenai kesan bahan bacaan pada pembentukan jati diri kanak-kanak telah dijawab berdasarkan penjelasan tersebut. Selaras dengan itu, dapat disimpulkan bahawa bahan bacaan sememangnya berfungsi sebagai alat pendidikan dan paling penting bertindak sebagai agen kawalan sosial ke atas kanak-kanak dalam membentuk jati diri dan akhlak yang mulia.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa bahan bacaan Bahasa Malaysia mampu memberi kesan dalam pembentukan jati diri kanak-kanak. Melalui gambaran dan contoh nilai murni yang diaplikasikan oleh watak dalam cerita telah membantu kanak-kanak dalam memahami nilai tersebut, seterusnya mengaplikasikan nilai yang baik dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, jelas membuktikan bahawa jati diri kanak-kanak boleh dibentuk melalui bahan bacaan yang mengandungi nilai-nilai murni. Walaupun bahan bacaan tersebut tidak mungkin akan menjadikan seseorang kanak-kanak itu berperwatakan sempurna, tetapi sekurang-kurangnya ia dapat mencegah nilai-nilai negatif dalam diri kanak-kanak tersebut.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin. 2010. Kaedah pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan inovasi. Dlm. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pnyt). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, hlm. 46. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1993. *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghalib Ahmad Isa. 1998. *Membina Generasi Berakhhlak*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdul Rahman Aroff. 1998. *Pengenalan Pendidikan Moral*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Salam Yussof. 2003. *Imam al-Ghazali: Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Abdurrahman An Nahlawi. 1995. *Pendidikan Islam di Rumah Sekolah dan Masyarakat*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian Islam UKM.

- Aishah Hassan. 1988. *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Alimah Salam & Mohd Sharif Mohd Saad. 2001. Pengisian dan pengukuhan sastera kanak-kanak dan remaja: Peranan dan cabaran perpustakaan. Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja. Anjuran Bahagian Kesusastraan Moden, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, 26-27 April.
- Anon. 2011. Jenayah babitkan kanak-kanak dan remaja menurun. *Berita Harian Online*. <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Jenayahbabitkankanak-kanakdanremajameneturun> [12/01/2011].
- Arabi Idid, Syed. 2002. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmawati Suhid. 2009. *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam, Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Azman Wan Chik. 1985. Kanak-kanak dan membaca: Dari mana hendak ke mana. Kertas Kerja Projek Baka, Seminar Kanak-kanak Dan Buku. Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 15-17 Julai.
- Best, J.W & Kahn, J.V. 2003. *Research in Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Borg, W.R & Gall, M.D. 1983. *Educational Research: An Introduction*. New York: Longman.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Cresswell, John W. & Plano Clark, Vicki L. 2007. *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Calif: Sage Publications.
- Farmawi Muhammad Farmawi. 2001. *Memanfaatkan Waktu Anak Bagaimana Caranya*. Terj. Muchotob Hamzah. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Ghazali. 1967. *Ihya' Ulum al-Din*. Qahirah: Muassasat al-Halabi wa-Shurakah li al-Nashr wa al-Tawzī'

- Ghazali Darusalam. 2003. *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Habib Mat Som. 1994. Nilai-nilai murni merentas kurikulum: Analisis kandungan buku teks Bahasa Melayu KBSR tahap 2. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Hadijah Rahmat. 2006. *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Badioze Zaman. 1992. Sastera kanak-kanak: Pembentukan pemikiran dan pemupukan nilai-nilai murni. *Dewan Sastera Mei*: 5-9.
- Hanapi Dollah. 2001. Remaja dan Jati Diri. *Dewan Budaya Februari*: 10-12.
- Hasan Mohd Ali. 1996. *100 Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hidayatullah Mohd Syarif Aziz. 2007. *Peribadi Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Jeniri Amir. 2008. Bahasa Kebangsaan Lambang Jati Diri Bangsa. *Pelita Bahasa Ogos*: 10-12.
- Kamus Dewan. 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Tahun 4: Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim. 2007. Membaca bukan budaya. *Utusan Online*. 17 September. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0917&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm. [16 April 2010].
- Marohaini Yusoff. 2001. Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menuulis karangan dalam bilik darjah. Dlm. Marohaini Yusoff (pnyt.) *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 87-119. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mason, J. 2002. *Qualitative Researching*. London: Sage Publication Ltd.

- Miles, M.B & Huberman, A.M. 1984. *Qualitative Date Analysis: A Sourcebook of New Methods*. California: Sage Publication.
- Mohamad Zaki Yusof. 2010. Sejarah penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 07 Jun, 22 & 25 November.
- Mohamed Fadzil Che Din & Lee Hock Fah. 2010. *Amalan Nilai Murni dan Sahsiah Diri Rakyat Malaysia yang Mulia: Inspirasi Ke Arah 1 Malaysia*. Selangor: PNI Neoron (M) Sdn Bhd.
- Mohd Syukri Hanapi. 2001. Bacaan lucah dan pembentukan akhlak remaja. *Massa* Januari: 20-26.
- Mok Soon Sang. 2009. *Perkembangan Kanak-kanak*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. 2010. *Bimbingan dan Kaunseling Kanak-kanak*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Nurazmi Kuntum. 2008. *Sastera Kanak-kanak dan Kaedah Pengajaran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Nurhayati & A. Mohd. Azwan. 2005. *Bimbingan Mendidik Anak Bertaqwah dan Bermotivasi*. Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise.
- Rohaida Mohamad Dhalan. 1998. Pendekatan psikologi dalam pembentukan akhlak kanak-kanak Islam masa kini. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Shaliza Adenan. 2010. Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 05 Ogos.
- Sofia Osman. 2010. Pemilihan bahan bacaan kanak-kanak Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 26 Ogos.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1997. Memperhebatkan penghasilan bahan bacaan yang bermutu: Sastera kanak-kanak alternatif terbaik. *Dewan Sastera* Oktober: 46-49.
- Sufean Hussin. 1989. *Pengajaran Nilai dan Kurikulum*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Suseela Malakolunthu. 2001. Pengumpulan dan analisis data kualitatif : Satu imbasan. Dlm Marohaini Yusoff (pnyt.) *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 121-153. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tam Yeow Kwai. 1996. *Pendidikan Moral 1: Konsep dan Program Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Siri Pendidikan Perguruan.
- ^cUlwan, Abdullah Nasih. 1998. *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*. Terj. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Wan Roslili Abd. Majid. 2006. Buku memperkaya minda. *Majalah Kefahaman Islam Visi* Februari: 13-15.
- Yusoff Zaky Yacob. 1975. *Saikoloji Kanak-kanak*. Kelantan: Sharikat Dian Sendirian Berhad.